

OLEH  
NURUL ANUAR KARI

# Terapi logam: Aplikasi pada fabrik pakaian

TERAPI logam merupakan antara sains kuno yang digunakan oleh masyarakat dahulu kala untuk rawatan penyakit dan masalah kesihatan tertentu.

Kaedah ini menyediakan pelbagai bentuk rawatan penyakit menggunakan unsur-unsur asas yang terdapat dalam badan manusia atau menggunakan logam tertentu pada bahagian yang perlu dirawat.

Hubungan fizikal antara fiber kuprum (tembaga) dan zink serta bersentuhan dengan satu bahagian badan manusia didapati menghasilkan aliran elektrik halus yang amat rendah, seterusnya mewujudkan satu medan magnetik di kawasan tersebut.

Giorgio Botturi, seorang pereka Itali berjaya mengaplikasikan kesan terapi logam kuno hasil inspirasi ekspedisinya ke Mesir dan mencipta fabrik khas yang mengguna pakai tiga unsur untuk menghasilkan kesan serupa dengan terapi logam.

Kini, Botturi berjaya menghasilkan beberapa produk pakaian dikenali sebagai Texenergy selepas 25 tahun menjalankan kajian.

Asas 'fabrik logam' ini adalah campuran bersama fiber kuprum, zink dan silikon untuk mendapatkan kesan terapeutik ilmu terapi logam kuno.

Dipatenkan dan merupakan satu-satunya fabrik menggunakan tiga jenis fiber tersebut, Texenergy dapat mengeluarkan arus elektrik halus dan sangat rendah untuk membantu pemulihan dan kelancaran fungsi-fungsi badan manusia.

Kesan fabrik pakaian ini telah menarik perhatian Bekas Setiausaha dan Bendahari Kehormat Persatuan Farmasi Malaysia, Yap Ming Tian untuk mencubanya sendiri.

Berpuas hati dengan hasil yang dilihat, Ming Tian kemudian membawa masuk produk-produk Texenergy untuk tujuan rawatan ke Malaysia.

Antara kesan yang dilihat hasil terapi logam pada kulit menunjukkan ciri-ciri:

- antimikrobial (membunuh kuman)
- menggalakkan pengaliran mikro darah
- kesan termogenik (haba)
- antiedema (bengkak akibat pengumpulan cecair)
- melegakan kesakitan
- menggalakkan fungsi otot

Antara kesan fiber yang digunakan pula adalah:

- Kuprum (mineral)
- antioksidatif
  - antiinflamasi (bengkak)
  - pemulihan

Zink (mineral)

- sangat bagus untuk pemulihan luka kecederaan – fungsi antibakteria

Silikon (oligomineral)

- antioksidasi
- sangat bagus untuk kulit, rambut dan kuku
- kesan melembut dan melindungi

● Memperkenalkan terapi logam moden – Ming Tian menyatakan, fabrik pakaian ini bukan sahaja berkesan dalam mengurangkan kesakitan dan bengkak, malahan dapat mengurangkan kehadiran selulit.


"Hasil ujian ultra bunyi untuk menguji ketebalan lapisan kulit selepas menggunakan fabrik ini mendapati saiz lapisan subkutaneus (kebanyakannya sel lemak) telah banyak berkurangan walaupun hanya dalam masa empat minggu.

"Ujian pengaliran mikro darah pula menunjukkan peningkatan selepas empat minggu penggunaan fabrik ini, dan meningkat jauh lebih banyak selepas lapan minggu," katanya.

Menurut Ming Tian, yang berkepakaran



MING TIAN



IMEJ termografik menunjukkan peningkatan suhu (warna hijau dan merah) pada permukaan kulit (gambar kiri) dengan penggunaan Texenergy berbanding suhu asal (gambar kanan) yang lebih sejuk (warna hitam).

dalam produk farmaseutikal, peningkatan pengaliran mikro darah dapat dikesan melalui ujian termografik yang menyukat suhu permukaan kulit.

Tambahnya, peningkatan pengaliran ini juga membawa banyak manfaat terutamanya dalam peningkatan sistem imuniti kawasan terbahut dan pemulihan kerosakan sel yang lebih cepat.

Ujian ke atas kulit menggunakan alat cutometer turut mendapati iaanya lebih kenyal dengan peningkatan fleksibiliti, daya regang, keanjalan dan visko-anjalan.

Penggunaan fabrik berkenaan untuk tempoh empat minggu juga didakwa cukup untuk tahap visko-anjalan meningkat dengan

mendadak, membolehkan kulit kembali kepada rupa asal (sebelum cedera atau kehadiran selulit).

Fabrik pakaian ini juga telah diuji secara klinikal bagi memastikan tahap keberkesanan dan keselamatannya kepada pengguna.

Selain itu, fabrik Texenergy juga tidak menyebabkan sebarang kesan alahan (alergi) kulit yang menjadi punca dermatitis (ekzema).

Fungsi hipoaergenik (kurang alahan) ini membolehkan fabrik ini digunakan semua peringkat usia, bangsa dan jantina ketika tidur atau di bawah pakaian biasa.

Bagaimanapun, pengguna alat bantu denyut jantung (*pacemaker*) dan wanita me-

PINTALAN fiber kuprum, zink dan silikon fabrik ini dapat menghasilkan arus elektrik kecil apabila menyentuh kulit pemakai.

ngandung disarankan tidak mengguna fabrik ini kerana dikhuatiri memberi kesan kepada fungsi jantung atau bayi dalam kandungan.

## Fabrik untuk rawatan

Menyadari keperluan berbeza untuk bahagian badan berlainan, fabrik Texenergy dihasilkan mengikut bentuk bahagian badan yang ingin dirawat.

Fabrik Texenergy dalam bentuk sarung tangan dan sarung kaki dikatakan dapat membantu dalam masalah kulit kering, kulit merekah dan juga hiperhidrosis (peluh berlebihan).

Selain itu, kesan rawatan fabrik sarung tangan turut diperhatikan pada arthritis jari tangan dan juga masalah gout.

Pemulihan kecederaan dan luka yang sudah dicuci juga didakwa dapat dipercepatkan dengan peningkatan pengaliran mikro darah di samping perlindungan daripada jangkitan kuman hasil kesan antibakteria fabrik berkenaan.

Peningkatan aliran mikro darah ke lebih banyak kawasan juga membolehkan penyampaian berkesan bekalan oksigen, nutrien dan komponen yang diperlukan untuk rawatan kerosakan sel.

Kesan galakan pengaliran mikro darah ini turut berterusan selepas pengguna menangan-

Asas 'fabrik logam' ini adalah campuran bersama fiber kuprum, zink dan silikon untuk mendapatkan kesan terapeutik ilmu terapi logam kuno

&lt;&lt;

galkan fabrik berkenaan.

Selain aliran darah, pengaliran dalam sistem limfa turut ditingkatkan, seterusnya meningkatkan kebolehan sebahagian sistem imuniti badan.

Fabrik ini juga dihasilkan mengikut bentuk badan supaya tidak terlalu ketat dan menyebabkan aliran darah terputus.

Selain itu, fabrik berkenaan dikatakan dapat mengekalkan suhu badan supaya tidak terlalu panas atau terlalu sejuk terutamanya ketika perjalanan ke negara yang berbeza cuaca.

Menurut Ming Tian, arus elektrik halus serendah 0.3 miliampere yang dihasilkan fabrik ini menjadi antara asas fungsi rawatannya.

"Arus elektrik ini amat rendah, tidak membahayakan dan tidak dirasai pemakai, kecuali kadangkala terasa seperti denyutan kecil.

"Arus ini akan menjadikan potensi elektrik membran sel kembali normal dan membantu sel yang rosak kembali berfungsi secara normal," ujarnya.

Jelas beliau, fabrik ini juga berkesan untuk mengurangkan bengkak terutamanya pada sendi yang terseluh.

Tambahnya, fabrik untuk bahagian belakang badan juga dapat membantu dalam rawatan masalah sakit belakang, mengurangkan kesakitan dan membantu membetulkan postur badan.

Aplikasi fabrik Texenergy pada sendi kaki, siku, leher dan pergelangan tangan juga bersesuaian untuk rawatan kebengkakan yang dihadapi ramai ahli sukan.

Fabrik untuk selulit

Ming Tian mendakwa kira-kira



KEROSAKAN tisu penghubung yang menyusun rapi sel-sel lemak (kiri) akan menyebabkan selulit terjadi (kanan).

90 peratus wanita tidak mengira bangsa mengalami masalah selulit tetapi menegaskan masalah ini dapat dipulihkan.

"Rupa selulit pada kulit boleh disamakan dengan permukaan kulit buah oren dan masalah ini paling jelas kelihatan ketika berdiri.

"Selulit berpunca daripada kerosakan tisu penghubung yang memegang kumpulan sel lemak di bawah kulit.

"Sel lemak berlebihan dan semakin hampir dengan permukaan kulit akan membentuk rupa permukaan kulit dengan selulit," jelasnya.

Menurut beliau, keadaan ini turut menjejaskan aliran darah dan limfa di kawasan terjejas menyebabkan suhu kawasan terabit semakin rendah.

Kehadiran radikal bebas juga dikaitkan dengan kerosakan tisu penghubung yang menyusun sel-sel lemak berkenaan.

Pembedahan membuang lemak (*liposuction*) mungkin tidak berkesan memandangkan lemak selulit ini berada di bahagian atas, berhampiran kulit sementara lemak yang dibuang berada di bahagian bawah.

Penggunaan fabrik Texenergy yang berfungsi mengembalikan aliran mikro darah dan limfa, membolehkan pemulihan sel rosak (tisu penghubung) dan membentuk semula susunan sel-sel lemak secara teratur.

Aliran darah ini juga dapat membantu penyingkiran lemak berlebihan dari kawasan terabit dan pengeluaran enzim menentang radikal bebas.

Lemak selulit tetap boleh hadir walaupun jika mengamalkan gaya hidup sihat memandangkan ia melibatkan masalah kerosakan struktur tisu dalaman. Lemak selulit

yang tidak jelas kelihatan dapat dikesan dengan memicit (mencubit) kawasan terabit.

Selain bahagian punggung, masalah ini juga mungkin berlaku di tangan, pinggul dan paha, terutamanya bagi mereka yang kurang bersemenam, merokok atau kerap mengambil alkohol.

Bahan kimia di dalam rokok dan alkohol merupakan antara punca kerosakan kepada tisu penghubung yang mengatur sel-sel lemak di bawah kulit.

Untuk maklumat lanjut mengenai fabrik Texenergy, sila layari laman web [www.pan-med.com.my](http://www.pan-med.com.my) atau hubungi PanMedic Sdn. Bhd. di talian 03-79543622.

FABRIK Texenergy dihasilkan mengikut bentuk kawasan yang perlu dirawat.



Foto ZULHAFIZ HANAFIAH

DIARI

E-mel: [kesihatan@utusan.com.my](mailto:kesihatan@utusan.com.my)

## Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2008

HARI Buah Pinggang Sedunia yang bermula pada 2006, diadakan pada hari Khamis kedua dalam bulan Mac setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran risiko penyakit buah pinggang kepada orang ramai.

Hasil inisiatif bersama Persatuan Nefrologi Antarabangsa (ISF) dan Persekutuan Yayasan Buah Pinggang Antarabangsa (IFKF), sambutan hari berkenaan juga untuk menggalakkan pencegahan dan pengesanan awal masalah buah pinggang.

Sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2008 pada 13 Mac ini, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia bersama Persatuan Nefrologi Malaysia (MSN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia akan menganjurkan walkaton kedua Hari Buah Pinggang Sedunia beserta aktiviti-aktiviti lain melibatkan kesihatan badan dan juga pertandingan melukis untuk kanak-kanak.

Aktiviti walkaton ini akan diadakan pada 16 Mac 2008 (Ahad) di Taman Jaya Recreational Park, Petaling Jaya bermula pukul 7 pagi dan terbuka kepada orang ramai dengan bayaran RM20 sementara pesakit buah pinggang tidak dikenakan sebarang bayaran.

Selain itu, pemeriksaan kesihatan, ceramah penjagaan kesihatan buah pinggang, pameran kesihatan dan pertandingan kesenian kanak-kanak akan diadakan di Amcorp Mall, Petaling Jaya pada hari yang sama (16 Mac) bermula pukul 10 pagi.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut sila hubungi pihak penganjur di talian 03-7954-9048 sambungan 225 atau 242, e-mel [edu@nkf.org.my](mailto:edu@nkf.org.my) dan juga melalui laman web [www.nkf.org.my](http://www.nkf.org.my).

## FENOMENA

berapa jenis detergen kuat untuk membuang semua sel yang telah mati.

Ini akan meninggalkan rangka protein struktur asal jantung yang kemudian akan ditanamkan dengan campuran sel-sel dari jantung tikus yang baru lahir.

Dengan menjadikan jantung yang telah mati sebagai acuan, kumpulan penyelidik berkenaan percaya perkara sama dapat dilakukan untuk manusia kelak dengan menanam sel pesakit ke dalam acuan jantung dan membentuk jantung baru untuk pesakit.

Penemuan ini bukan sahaja membuka peluang menghasilkan jantung untuk hampir 22 juta pesakit jantung di seluruh dunia yang memerlukannya, malahan bermacam organ lain yang dapat menyelamatkan berjuta-juta nyawa di samping dapat mengurangkan risiko organ baru berkenaan ditolak sistem imuniti badan.

Proses ini juga telah berjaya dijalankan terhadap jantung khinzir yang lebih menyerupai jantung manusia dari segi saiz dan strukturnya yang kompleks.



## Terima hati baru, jenis darah berubah

AKIBAT kegagalan fungsi hati yang teruk, Demi-Lee Brennan telah menjalani pembedahan pemindahan hati pada usia sembilan tahun.

Sembilan bulan kemudian, doktor mendapati bukan sahaja jenis darah kanak-kanak itu malahan sistem imuniti badannya

juga bertukar menjadi sama seperti milik penderma organ berkenaan.

Kes ini juga didakwa merupakan yang pertama seumpamanya di mana sel sistem dari hati penderma telah berpindah dari organ berkenaan ke dalam sumsum tulang pesakit dan membiak.

Doktor kanak-kanak itu mengaitkan beberapa faktor seperti jenis masalah hati yang dihadapinya, jangkitan virus cytomegalovirus selepas pembedahan pemindahan organ dan penggunaan ubat melemahkan sistem imuniti sebagai penyumbang kepada perubahan tersebut.

Dalam artikel terbitan *The New England Journal of Medicine* itu, kumpulan doktor yang merawat Brennan menyatakan minat untuk menerokai kes berkenaan dan kemungkinan aplikasinya di dalam pembedahan pemindahan organ lain.

Penolakan organ baru (didernakan) oleh sistem imuniti pesakit kekal sebagai antara halangan utama dalam pemindahan organ dan kejadian ke atas Brennan, kini 15, membuktikan halangan ini dapat diatasi.



## Jantung mati dihidupkan semula

SEMAKIN banyak perkara khayalan filem Hollywood kini menjadi realiti dan terbaru, jantung yang telah mati berjaya 'dihidupkan' semula dan berdegup seperti jantung biasa.

Sekumpulan saintis Pusat Membaikpulih Kardiovaskular Universiti Minnesota, Amerika Syarikat (AS) berjaya 'menanam' kembali sel hidup ke dalam jantung tikus yang telah mati dan membolehkan organ berkenaan berdegup semula hanya selepas lapan hari.

Proses menghidupkan semula jantung ini dimulakan dengan 'memasuh' jantung yang telah mati dengan be-